


Mesej bergambar ayam tak sembelih viral lama

10/11/16
BH



Kuala Lumpur: Satu gambar bersama mesej yang viral di media sosial mendakwa sebuah pasar raya di Kajang menjual ayam disembelih tidak mengikut hukum syarak, adalah mesej lama yang disebar semula.

Pengarah Bahagian Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dr Sirajuddin Suhaimie, berkata mesej itu sama dengan berita palsu pernah tersebar sebelum ini.

Gambar lama

"Ia (gambar) sama seperti viral sebelum ini. JAKIM juga pernah mengeluarkan kenyataan mengenainya," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

JAKIM dalam kenyataan pada 3 Julai lalu, memaklumkan tinjauan ke atas sebuah pasar raya mendapati produk ayam mentah yang

dijual di pasar raya itu ada Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah.

Sementara itu, dalam kes viral berasingan berkaitan caj rawatan terhadap pesakit luar di hospital dan klinik kerajaan serta Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (PPBP), Kementerian Kesihatan menegaskan, caj masih kekal RM1 di Jabatan Pesakit Luar Am dan RM5 di Jabatan Pesakit Luar Pakar.

BERNAMA melaporkan, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Chen Chaw Min, berkata caj rawatan ke atas pesakit di hospital dan klinik kesihatan adalah seperti yang ditetapkan dalam Perintah Fi (Perubatan) 1982.

"Caj perlu dibayar oleh pesakit jika mereka mendapatkan PPBP adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) Bayar Penuh 2007, manakala perkhidmatan diberikan

melalui klinik bergerak, sama ada melalui pengangkutan darat, laut atau perkhidmatan doktor udara juga adalah percuma," katanya.

Caj rawatan juga, katanya, dikecualikan bagi pesakit menghadapi penyakit berjangkit, manakala ibu menjalani rawatan antenatal dan postnatal serta kanak-kanak bawah umur satu tahun dikecualikan caj pesakit luar dan kanak-kanak pra-sekolah dikecualikan caj rawatan pergigian (selain alat ortodontik), imunisasi dan vaksinasi.

Dr Chen berkata, pengecualian caj pesakit luar diberi kepada warga emas dan pengurangan 50 peratus jika dimasuk ke wad dengan jumlah bayaran maksimum RM250, manakala golongan lain dikecualikan caj rawatan ialah orang kurang upaya, penerima bantuan kebajikan, pelajar serta penderma darah dan organ.

Dakwaan ayam disembelih tidak mengikut hukum syarak adalah mesej lama diviralkan semula.